

TARIKH: 15/3/2023

SURAT KHABAR: Harian Metro

MUKA SURAT:

## 80% masalah kurang buruh di ladang selesai

**Kuala Lumpur:** Hampir 80 peratus masalah kekurangan tenaga buruh dalam industri perladangan telah diselesaikan sehingga kini dengan baki yang sedang giat diusahakan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, bagaimanapun masalah kekurangan tenaga buruh masih kekal mencabar terutamanya di tempat-tempat tertentu, contohnya seperti Sarawak kerana negeri itu tidak menerima buruh dari Bangladesh.

"Kita sudah hampir selesai (masalah buruh), saya rasa hampir 80 peratus kini telah masuk tetapi cabarannya adalah di bahagian tertentu

seperti di Sarawak, kerana mereka tidak mahu menerima buruh Bangladesh untuk bekerja di Sarawak.

"Jadi, sudah pastinya ia adalah satu cabaran untuk mendapatkan lebih banyak buruh Indonesia untuk masuk tetapi sejauh mana prosedur proses berkenaan boleh dilakukan. Dari segi kelulusan permohonan, hampir 100 peratus telah dicapai," katanya selepas pelancaran Projek Sawit Positif Rakyat (Projek P3), semalam.

Beliau berkata dari segi kelulusan ia sudah ada, tetapi cabarannya ialah membawa orang dari negara sumber

kerana amalan, peraturan dan undang-undang dari negara sumber bukan dalam kawalan kerajaan Malaysia.

**“  
Sudah pastinya ia  
satu cabaran  
mendapatkan lebih  
banyak buruh  
Indonesia  
Fadillah**

Sementara itu, Fadillah menekankan kepentingan Malaysia melibatkan masyarakat antarabangsa, sama ada perunding atau pemain industri, serta memenuhi piawaian, amalan serantau dan juga antarabangsa.

Beliau berkata piawaian antarabangsa mesti diiktiraf bagi pemain industri untuk memenuhi jangkaan mereka yang membeli produk atau perkhidmatan Malaysia.

+ Harian Metro: Bisnes 15/3/23